



UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA

جَامِعَةُ الْعُلُومِ الْإِسْلَامِيَّةِ الْمَالِيزِيَّةِ
ISLAMIC SCIENCE UNIVERSITY OF MALAYSIA

TIMBALAN NAIB CANSOLOR
(HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI)

DEPUTY VICE-CHANCELLOR
(STUDENT AFFAIRS AND ALUMNI)

Pusat Hal Ehwal Pelajar
Tel.: 06-798 6163 / 6190

Ruj. Kami : USIM.700-5/2/4 ()
Tarikh : 14 Jamadilawal 1447/5 November 2025

SENARAI EDARAN SEBAGAIMANA LAMPIRAN 1

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

YBrs. Prof./Prof. Madya/Dr./Tuan/Puan,

GARIS PANDUAN PENGURUSAN KRISIS PELAJAR UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA

Dengan segala hormatnya, perkara di atas dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JKPU) Kali ke-971 Bil. 29/2025 yang bersidang pada 26 Ogos 2025 telah bersetuju meluluskan Garis Panduan Krisis Pelajar Universiti Sains Islam Malaysia **berkuatkuasa mulai 26 Ogos 2025**.

... 3. Sehubungan dengan itu, bersama-sama ini disertakan Garis Panduan Pengurusan Krisis Pelajar Universiti Sains Islam Malaysia untuk makluman dan perhatian YBrs. Prof./Prof. Madya/Dr./Tuan/Puan dan seterusnya dipanjangkan kepada semua staf, badan pelajar dan pelajar di bawah seliaan masing-masing. Garis Panduan tersebut juga boleh dimuat turun melalui laman web Pusat Hal Ehwal Pelajar.

4. Sebarang maklumat lanjut berkaitan perkara ini, YBrs. Prof./Prof. Madya/Dr./Tuan/Puan boleh merujuk kepada Seksyen Penajaan, Kebajikan dan Tatatertib, Pusat Hal Ehwal Pelajar di talian 06-798 6151/ 6160/ 6101 atau melalui emel miraasyikin@usim.edu.my/ pengarah.hep@usim.edu.my.

Segala kerjasama dan perhatian YBrs. Prof./Prof. Madya/Dr./Tuan/Puan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan diucapkan terima kasih.

Sekian.

"MALAYSIA MADANI"

Saya yang menjalankan amanah,

(PROFESOR DR. MUSHADDAD HASBULLAH)

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
Universiti Sains Islam Malaysia

- s.k.: i. Penasihat Badan Pelajar
ii. Pengerusi/ Presiden Badan Pelajar

1/5

Berilmu, Berdisiplin dan Bertakwa

Knowledgeable, Disciplined and Devout



Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai
Negeri Sembilan Darul Khusus, Malaysia
Tel : (+6)06 - 798 8017 | Faks : (+6)06-799 1309 | www.usim.edu.my

SENARAI EDARAN

DEKAN

1. **YBrs. Prof. Madya Dr. Mohd Rushdan Mohd Jailani**
Dekan, Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan
2. **YBrs. Prof. Madya Dr. Mohd Zohdi Mohd Amin**
Dekan, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah
3. **YBrs. Prof. Madya Dr. Abdul Manan Ismail**
Dekan, Fakulti Syariah dan Undang-Undang
4. **YBrs. Prof. Madya Dr. Syahidawati Hj. Shahwan**
Dekan, Fakulti Ekonomi dan Muamalat
5. **YBrs. Prof. Madya Dr. Mohd Zalisham Jali**
Dekan, Fakulti Sains dan Teknologi
6. **YBrs. Prof. Madya Dr. Razrim Rahim**
Dekan, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan
7. **YBrs. Prof. Madya Dr. Zainur Rijal Abdul Razak**
Dekan, Fakulti Pengajian Bahasa Utama
8. **YBrs. Dr. Ainuddin Yushar Yusof**
Dekan, Fakulti Pergigian
9. **YBrs. Prof. Madya Dr. Nurul Syala Abdul Latip**
Dekan, Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina
10. **YBrs. Prof. Madya Dr. Zoraida Mustafa**
Dekan, Pusat Pengajian Teras
11. **YBrs. Prof. Madya Dr. Juliana Jumal**
Dekan, Pusat Tamhidi
12. **YBrs. Prof. Madya Dr. Norfadhilah Mohamad Ali**
Dekan, Institut Sains Islam

KETUA PUSAT TANGGUNGJAWAB (HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI)

13. **Encik Md. Ishah Rahman**
Pengarah, Pusat Hal Ehwal Pelajar
14. **Encik Mohd Asri Husain**
Pengarah, Pusat Sukan
15. **YBrs. Prof. Madya Ts. Dr. Sakinah Ali Pitchay**
Pengarah, Pusat Pembangunan Kemahiran Insaniah
16. **YBrs. Dr. Hisham Sabri**
Pengarah, Pusat Keusahawanan Universiti
17. **Encik Razman Ibrahim**
Pengarah, Pusat Islam
18. **Encik Mohd Salehudin Sukor**
Pengarah, Pusat Kebudayaan
19. **YBrs. Dr. Nik Mohd Shafikudin Md Taujuddin**
Pengarah, Pusat Kesihatan Universiti
20. **YM Raja Mariam Raja Mohd Esa**
Pengarah, Pusat Perumahan Pelajar
21. **YBrs. Prof. Madya Dr. Ahmad Zaki Salleh**
Pengarah, Pusat Wakaf dan Zakat

TIMBALAN DEKAN (HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI) FAKULTI/ PUSAT TAMHIDI

22. **YBrs. Dr. Mohd Faridh Hafez Mhd Omar**
Timbalan Dekan (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan
23. **YBrs. Dr. Nidzamuddin Zakaria**
Timbalan Dekan (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah
24. **YBrs. Profesor Madya Dr. Nisar Mohammad Ahmad**
Timbalan Dekan (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
Fakulti Syariah dan Undang-Undang

USIM.700-9/1/33 ()

25. YBrs. Prof. Madya Dr. Muhamad Azrin Nazri

Timbalan Dekan (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
Fakulti Ekonomi dan Muamalat

26. YBrs. Prof. Madya Dr. Ahmad Nazrul Rosli

Timbalan Dekan (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
Fakulti Sains dan Teknologi

27. YBrs. Prof. Madya Dr. Mohd Radzniwan A Rashid

Timbalan Dekan (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan

28. YBrs. Dr. Hamadallah Mohammad Salleh

Timbalan Dekan (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
Fakulti Pengajian Bahasa Utama

29. YBrs. Dr. Ahmad Dzulfikar Samsudin

Timbalan Dekan (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
Fakulti Pergigian

30. YBrs. Profesor Madya Ir. Dr. Juliza Jamaludin

Timbalan Dekan (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina

31. Puan Zunaidah Ismail

Timbalan Dekan
Pusat Tamhidi

PENGETUA KOLEJ KEDIAMAN

32. YBrs. Dr. Syaza Azhari

Pengetua, Kolej Kediaman Nilam Court

33. YBrs. Dr. Shikh Mohd Shahrul Nizan Shikh Zahari

Pengetua, Kolej Kediaman Sutera Indah

34. YBrs. Dr. Muhammad Raqib Mohd Sofian

Menjalankan Tugas Pengetua, Kolej Kediaman 1

35. YBrs. Dr. Haji Sulaiman Ismail

Pengetua, Luar Kampus

36. Puan Nora Ardilla Nordin

Menjalankan Tugas Pengetua, Kolej Kediaman Pandan

KETUA PUSAT TANGGUNGJAWAB YANG MEMPUNYAI BADAN PELAJAR

37. **YBrs. Prof. Madya Dr. Mohd Faizal Kasmani**
Pengarah, Pusat Komunikasi Strategik
38. **YBrs. Dr. Mohd Helmi Masor @ Mansor**
Ketua Jabatan, Jabatan Perpustakaan
39. **YBrs. Prof. Madya Dr. Mohd Hafez Mohd Isa**
Pengarah,
Pusat Pematuhan Syariah, Pengurusan Risiko dan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan
40. **Encik Mohd Shahrul Nizam Mohamed Shamsuddin**
Pengarah, Jabatan Keselamatan dan Penguatkuasaan
41. **YBrs. Prof. Madya Dr. Haji Norakyairee Mohd. Raus**
Pengarah, Pusat Penyelidikan Ibnu Umami Maktum (UMMI)
42. **YBrs. Prof. Dr. Noor Fadzilah Zulkifli**
Pengarah, Pusat Pengurusan Akademik
43. **YBrs. Profesor Madya Dr. Sofia Hayati Yusoff**
Pengarah, USIM 'ALAMIYYAH
44. **Puan Hariza Mohd Yusof**
Pengarah, Pusat Penerbit

**GARIS PANDUAN
PENGURUSAN KRISIS PELAJAR
UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA**

1. TUJUAN

Garis panduan ini disediakan bertujuan untuk mengurus hal ehwal berkaitan kecemasan dan krisis yang melibatkan pelajar Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) bagi memastikan pengurusan krisis pelajar dilaksanakan secara sistematik, cekap dan berkesan.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Pelajar Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) berhadapan dengan pelbagai cabaran yang boleh mengganggu proses kelangsungan pengajian mereka. Antara situasi kecemasan dan kritikal yang sering berlaku seperti insiden kematian, kemalangan, bencana alam dan keselamatan.
- 2.2 Garis Panduan Pengurusan Krisis Pelajar ini merupakan komitmen USIM dalam memastikan setiap krisis yang melibatkan pelajar ditangani secara profesional, empati, efektif dan selaras dengan nilai-nilai Islam.
- 2.3 Melalui garis panduan ini, USIM bukan sahaja berusaha untuk melindungi kebajikan pelajarannya, tetapi juga ingin membentuk persekitaran universiti yang selamat, ambil peduli dan bertanggungjawab. Pengurusan krisis yang baik mencerminkan keprihatinan universiti terhadap kesejahteraan pelajarannya, di samping menjaga nama baik institusi secara keseluruhan.
- 2.4 Operasi kebajikan pelajar di USIM boleh berada dalam dua (2) situasi; normal dan kecemasan.
 - 2.4.1 Situasi normal merujuk keadaan di mana semua urusan kebajikan pelajar berjalan lancar tanpa melibatkan kematian, kemalangan, bencana alam dan keselamatan.
 - 2.4.2 Situasi kecemasan merujuk kejadian luar jangka yang boleh mengancam atau melibatkan kejadian seperti kemalangan, kematian, bencana alam dan keselamatan. Jika tidak ditangani dengan segera, ia boleh membawa kepada kesan yang lebih besar dan serius terhadap pengajian dan kesejahteraan pelajar.
- 2.5 Sehubungan itu, semua pihak berkaitan sama ada pentadbir, staf, atau pelajar digalakkan untuk memahami, bersiap siaga, dan bekerjasama dalam melaksanakan garis panduan ini. Garis panduan ini akan disemak dan dikemaskini dari semasa ke semasa mengikut keperluan dan cabaran baharu dalam dunia pendidikan tinggi.
- 2.6 Garis panduan ini dibangunkan mengambil iktibar kepada kes kemalangan yang melibatkan pelajar Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) yang mana sebuah bas sewa membawa 42 pelajar UPSI terlibat dalam kemalangan dengan sebuah MPV di Lebuhraya Timur-Barat berhampiran Gerik, Perak, sekitar jam 1 pagi pada 25 Julai 2025. Kemalangan ini telah meragut 15 nyawa dan mencederakan 33 yang lain.
- 2.7 Manakala, di USIM terdapat tiga (3) kes kemalangan yang berlaku pada 2 Ogos dan 9 Ogos 2025 seperti berikut:

- 2.7.1 Satu (1) kes kemalangan yang berlaku pada 2 Ogos 2025 di Bandar Serenia, Sepang, Selangor yang menyebabkan kematian seorang pelajar;
- 2.7.2 Satu (1) kes kemalangan pada 2 Ogos 2025 di Temerloh melibatkan kecederaan kepada empat (4) orang pelajar; dan
- 2.7.3 Satu (1) kes kemalangan pada 9 Ogos 2025 di Melaka melibatkan kecederaan kepada seorang pelajar.

Kesemua kes ini telah diambil tindakan sewajarnya oleh semua pihak yang terlibat merangkumi semua aspek yang diperlukan dalam situasi kecemasan yang berlaku.

3. OBJEKTIF PENGURUSAN KRISIS USIM

- 3.1 Menangani krisis secara terancang dan berkesan;
- 3.2 Menyelaraskan peranan semua pihak yang terlibat dalam pengurusan krisis;
- 3.3 Memastikan semua tindakan mengambil kira aspek syariah, undang-undang dan kebajikan pelajar;
- 3.4 Menangani penyebaran maklumat yang salah;
- 3.5 Memberi sokongan berterusan kepada pelajar dan waris yang terkesan;
- 3.6 Menjaga reputasi institusi.

4. JAWATANKUASA PENGURUSAN KRISIS PELAJAR

- 4.1 Jawatankuasa Pengurusan Krisis Pelajar (JPKP) dipengerusikan oleh Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni).
- 4.2 Timbalan Pengerusi disandang oleh Pengarah Pusat Hal Ehwal Pelajar (PHEP).
- 4.3 Ahli-ahli JPKP terdiri daripada yang berikut:
 - (i) Pengarah Pusat Kesihatan Universiti
 - (ii) Pengarah Pusat Islam
 - (iii) Pengarah Jabatan Keselamatan
 - (iv) Pengarah SCIROSH
 - (v) Pengarah Pusat Wakaf dan Zakat
 - (vi) Pengarah Pusat Komunikasi Strategik
 - (vii) Pengarah Pusat Perumahan Pelajar
 - (viii) Timbalan Dekan (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) Fakulti yang terlibat
 - (ix) Pegawai Psikologi PHEP
 - (x) Pegawai Seksyen Kebajikan PHEP (Setiausaha)
 - (xi) Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar
 - (xii) Keahlian lain termasuk pakar adalah tertakluk kepada keperluan semasa dengan lantikan oleh TNCHEPA.
- 4.4 Cadangan nama pasukan ini ialah USIM CARE (*Crisis Assistance and Rapid Engagement*) yang menggalas tanggungjawab dalam menguruskan krisis dan tindakan segera.

5. KLASIFIKASI KRISIS

5.1 Klasifikasi krisis yang melibatkan pelajar adalah seperti berikut:

Bil.	Klasifikasi	Definisi
1.	Kematian	Kejadian pelajar meninggal dunia sama ada di dalam atau di luar kampus akibat kemalangan, sakit, jenayah, atau sebab lain yang memerlukan pengurusan segera oleh pihak universiti.
2.	Kemalangan	Kejadian tidak dijangka yang menyebabkan kecederaan fizikal atau kerosakan harta pelajar sama ada di dalam atau di luar kampus, seperti kemalangan jalan raya, terjatuh, atau kecederaan semasa aktiviti universiti.
3.	Bencana Alam	Kejadian alam semula jadi yang mengancam keselamatan dan kebajikan pelajar, seperti banjir, ribut, tanah runtuh, kebakaran hutan, atau gempa bumi.
4.	Keselamatan	Insiden yang menjejaskan keselamatan diri atau harta benda pelajar, termasuk rompakan, kecurian, serangan fizikal, gangguan seksual, ugutan, atau ancaman keselamatan lain di dalam atau di luar kampus.

6. PELAN PENGURUSAN KRISIS

6.1 Pelan pengurusan krisis pelajar merangkumi empat (4) aspek iaitu kewangan, khidmat sokongan, khidmat susulan dan pelaporan awal dan akhir.

6.1.1 Kewangan

Bil.	Perkara	Butiran
1.	Tabung Prihatin USIM	- Penyelarasan semula dengan Pendaftar berkaitan pengurusan tabung. - Sumbangan bantuan mengikut kadar yang telah ditentukan. - Terma rujukan tabung dikaji semula bagi perbelanjaan luar jangka yang didahulukan oleh staf.
2.	Tabung Amanah Kebajikan Pelajar	Sumbangan mengikut kadar yang telah ditentukan: - Kematian: RM2,000 - Kematian ibu/bapa: RM500 - Elaun Kemasukan ke Wad ≥ 3 hari: RM200 - Sumbangan Ehsan - Sumbangan Peralatan Pembedahan - Sumbangan Pembedahan Penyakit Kronik
3.	Skim Perlindungan Pelajar Tempatan (SPPT)	Sumbangan mengikut kadar yang telah ditentukan: - Kematian: RM15,000 - Keilatan Kekal: Maksimum RM15,000
4.	Pusat Wakaf dan Zakat (PWZ)	Sumbangan mengikut kadar yang telah ditentukan oleh PWZ.
5.	Fakulti	Sumbangan kutipan derma di peringkat Fakulti oleh TDHEPA di Fakulti berkaitan.

6.	Majlis Perwakilan Pelajar	Sumbangan kutipan derma di peringkat pelajar USIM oleh MPP.
----	---------------------------	---

6.1.2 Khidmat Sokongan

Bil.	Perkara	Butiran
1.	Bantuan Perubatan	Diuruskan oleh Pusat Kesihatan Universiti (PKU).
2.	Van Jenazah	Diuruskan oleh PKU.
3.	Bantuan Pengangkutan	Diuruskan oleh Pusat Hal Ehwal Pelajar.
4.	Bantuan Penginapan	Diuruskan oleh Pusat Perumahan Pelajar.
5.	Pengurusan Jenazah	Diuruskan oleh Pusat Islam.
6.	Ambulan	Diuruskan oleh PKU.
7.	Intervensi Awal	<i>Psychological First Aid</i> (PFA) kepada pelajar, rakan dan ahli keluarga (jika diperlukan) oleh Bahagian Psikologi dan Kaunseling, PHEP.
8.	Sokongan moral daripada rakan sebaya	Diuruskan oleh MPP.

6.1.3 Khidmat Susulan

Bil.	Perkara	Butiran
1.	Intervensi Psikologi dan Kaunseling	- Intervensi sokongan emosi; - Menyediakan ruang kepada pelajar, rakan pelajar dan ahli keluarga terlibat (jika diperlukan) untuk luahan perasaan dan pengurusan trauma jika perlu; - Pemantauan akan dibuat untuk mengenalpasti jika ada tanda-tanda <i>Post Traumatic Stress Disorder</i> (PTSD) atau gangguan kecemasan untuk pelajar; dan - Rujukan ke pakar psikiatri jika perlu. - Diuruskan oleh Bahagian Psikologi dan Kaunseling, PHEP.
2.	Rawatan psikiatri	Diuruskan oleh PKU.
3.	Pembelajaran dan Pengajaran	Diuruskan oleh Fakulti dan Pusat Pengurusan Akademik.
4.	Pemantauan umum pelajar	Diuruskan oleh MPP, Pembimbing Rakan Universiti (PRU) dan Persatuan Mahasiswa Fakulti yang terlibat.

6.1.4 Pelaporan Awal dan Akhir

Format pelaporan merangkumi perkara berikut:

- (i) Tarikh kejadian
- (ii) Masa kejadian
- (iii) Sumber maklumat
- (iv) Pegawai bertanggungjawab
- (v) Laporan kes

- (vi) Maklumat pelajar yang terlibat
- (vii) Gambar kemalangan
- (viii) Tindakan awal
- (ix) Bantuan perubatan dan kesihatan
- (x) Bantuan kebajikan
- (xi) Intervensi psikologi dan kaunseling
- (xii) Intervensi dan sokongan oleh PRUPEL
- (xiii) Pengurusan media
- (xiv) Laporan dan keterangan kepada PDRM

Format pelaporan adalah seperti di **Lampiran 1**.

6.2 Prosedur Tindakan

Bil.	Kes individu	Butiran
1.	Kematian pelajar	- Sahkan maklumat kematian daripada pihak berwajib dan keluarga pelajar (hospital/polis); - Maklumkan kepada pengurusan universiti (Naib Canselor, TNC HEPA, Dekan Fakulti, Pengetua dan TD HEPA Fakulti); - Hantar wakil universiti ke lokasi kejadian/hospital; - Sokongan awal psikologi kepada keluarga pelajar, rakan terdekat melalui Pegawai Psikologi; - Bantu keluarga pelajar dengan urusan logistik (pengangkutan/penginapan sementara) (jika perlu); - Urus keperluan pengurusan jenazah (wakil dari universiti untuk urusan mandi dan solat jenazah/ pengebumian) (jika perlu); - Urus pengangkutan jenazah (jika perlu); - Penyerahan jenazah mengikut syarak dan adat (jika perlu); - Sediakan laporan lengkap untuk rekod universiti; dan - Sidang media (jika perlu).
2.	Kemalangan atau kecederaan serius	- Panggil ambulans / rujuk hospital segera; - Maklumkan kepada waris segera; - Maklumkan kepada pengurusan universiti (Naib Canselor, TNC HEPA, Dekan Fakulti, Pengetua dan TD HEPA Fakulti); - Hantar wakil universiti ke hospital; - Sokongan moral oleh Pegawai Psikologi; - Sokongan bantuan kewangan awal (sekiranya ada); - Koordinasi dengan Fakulti berkaitan pembelajaran dan kehadiran kuliah; dan - Sediakan laporan lengkap kejadian untuk rekod universiti. - Sidang media (jika perlu).
3.	Krisis akibat bencana alam	- Sahkan maklumat kejadian melalui saluran rasmi (pihak berkuasa tempatan, keluarga, pelajar); - Hubungi dan kenal pasti pelajar yang terkesan;

		• Maklumkan kepada pengurusan universiti (Naib Canselor, TNC HEPA, Dekan Fakulti, Pengetua dan TD HEPA Fakulti); • Sediakan bantuan segera seperti tempat tinggal sementara, makanan, pakaian dan keperluan semasa (jika perlu); • Menyelaras bantuan kewangan dengan jabatan berkaitan (sekiranya ada); • Koordinasi dengan Fakulti berkaitan pembelajaran dan kehadiran kuliah; dan • Pantau perkembangan dari semasa ke semasa sehingga keadaan stabil. • Sidang media (jika perlu).
4.	Krisis keselamatan (Kecurian, rompakan dan lain-lain)	• Pastikan keselamatan diri dan pelajar terjamin. Jauhi kawasan kejadian. • Hubungi pihak berkuasa (polis) dengan segera dan buat laporan rasmi. • Maklumkan kepada pengurusan universiti (Naib Canselor, TNC HEPA, Dekan Fakulti, Pengetua dan TD HEPA Fakulti). • Kenal pasti dan kumpulkan maklumat saksi kejadian. • Koordinasi dengan pihak keselamatan universiti untuk kawalan dan pemantauan. • Bantu mangsa mendapatkan rawatan perubatan (jika tercedera). • Sidang media (jika perlu).

6.3 Penyataan awam di media hendaklah mendapat kelulusan Naib Canselor sebelum dikeluarkan.

6.4 Carta Alir

Sila rujuk **Lampiran 2**.

7. Pertanyaan dan Maklumat Lanjut

Sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut sila hubungi:

Seksyen Penajaan, Kebajikan dan Tatatertib
Bahagian Pembangunan dan Kebajikan Pelajar
Pusat Hal Ehwal Pelajar

UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA

Tel : 06-798 6151/86160

Faks : 06-798 6154

Emel : mirasyikin@usim.edu.my/ ziela@usim.edu.my/ pengarah.hep@usim.edu.my / info.phep@usim.edu.my

**LAPORAN AWAL KES KEMALANGAN MELIBATKAN PELAJAR
UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA**

1. **TARIKH KEJADIAN** : xx Ogos xx (Sabtu)
 2. **MASA KEJADIAN** : Sekitar 5.00 pagi
 3. **SUMBER MAKLUMAT** : xxxxx
 4. **PEGAWAI BERTANGGUNGJAWAB** : xxxxx

5. **LAPORAN KES** :
- i) Sebuah kereta (nombor plat kenderaan
 ii) Pelajar-pelajar ini dilaporkan dalam perjalanan
 iii)
 iv)

6. MAKLUMAT PELAJAR YANG TERLIBAT :

BIL.	NAMA	NO. MATRIK	PROGRAM PENGAJIAN	CATATAN
1.	xxxx	xxx	xxx	• xxxxx

7. GAMBAR KEMALANGAN

Seperti di **Lampiran 1A**.

8. TINDAKAN AWAL

Naib Canselor, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), xxxxxx..... Gambar lawatan seperti di **Lampiran 1B**.

9. BANTUAN PERUBATAN DAN KESIHATAN

BIL	PERKARA	TINDAKAN
1		

10. BANTUAN KEBAJIKAN

Bil	Perkara	Tindakan
1.	•	

11. INTERVENSI PSIKOLOGI DAN KAUNSELING

Bil	Perkara	Tindakan
1	•	

12. INTERVENSI DAN SOKONGAN PUSAT PERUMAHAN PELAJAR (PRUPEL)

BIL.	PERKARA	TINDAKAN
1.		

13. PENGURUSAN MEDIA

Urusan keperluan media telah dimaklumkan kepada Pusat Komunikasi Strategik (StraComm) USIM pada xxxxxx untuk tindakan lanjut.

14. LAPORAN DAN KETERANGAN KEPADA POLIS DIRAJA MALAYSIA

Laporan PDRM akan diperoleh daripada pelajar yang terlibat atau waris dalam masa terdekat.

Disediakan oleh:

XXXXXX

Penolong Pendaftar Kanan PHEP

Tarikh: xxxxx

Disahkan oleh:

XXXXXX

Pengarah PHEP

Tarikh: xxxxx

Gambar- Gambar Kemalangan

Gambar- Gambar Lawatan

Lampiran 2

CARTA ALIR PENGURUSAN KRISIS PELAJAR

TANGGUNGJAWAB	CARTA ALIR	PROSES
	<pre> graph TD MULA([MULA]) --> A1[] A1 --> A2[] A2 --> D1{ } D1 -- Ya --> A3[] D1 -- Tidak --> A4[] A3 --> A4 A4 --> A5[] A5 --> A6[] A6 --> A7[] A7 --> TAMAT([TAMAT]) </pre>	Sahkan maklumat kes daripada pelajar, pihak berwajib (hospital/polis) atau keluarga pelajar. Tentukan kes kepada klasifikasi krisis yang berkaitan. (Rujuk Perkara 5.1) Tentukan sama ada kes melibatkan kematian pelajar atau tidak. Menguruskan jenazah. Maklumkan kepada Pengurusan Universiti. Berikan khidmat sokongan dan kewangan yang diperlukan. (Rujuk Perkara 6.1.1 dan 6.1.2) Sediakan laporan awal. (Rujuk Perkara 6.1.4) Berikan khidmat susulan yang diperlukan. (Rujuk Perkara 6.1.3)
Fakulti		
Fakulti		
Fakulti		
Pusat Islam		
Fakulti		
PRUPEL/PHEP/ PWZ/PKU/MPP		
Fakulti		
Fakulti/PPA/ PHEP/PKU/ MPP		